

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SBP 200 - Teori Pembangunan I

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja dari soalan-soalan berikut.

1. Jelaskan pendekatan-pendekatan dualisme yang berikut: dualisme sosial (J. H. Boeke), dualisme teknologi (B. Higgins) dan ekonomi dwi-sektor (W. A. Lewis). Apakah persamaan dan perbezaan pendekatan-pendekatan di atas?

[100 markah]

2. Apakah isu-isu perdagangan antarabangsa di sebalik penubuhan blok-blok perdagangan serantau (seperti EC, NAFTA, EAEC, dan sebagainya)? Adakah perkembangan sebegini menguatkan lagi atau menyangkal hujah-hujah teori-teori perdagangan antarabangsa awal (Adam Smith, J. S. Mill) yang mengatakan faedah bandingan dan keuntungan bersama akan dicapai sekiranya perdagangan antarabangsa dibuka seluas-luasnya?

[100 markah]

3. Bincangkan faktor-faktor yang mencetuskan strategi perindustrian impot-gantian di negara Dunia Ketiga. Mengapakah strategi perindustrian ini gagal membawa pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara itu?

[100 markah]

...2/-

4. Perindustrian dan perkembangan teknologi sebagai jentera pembangunan tidak dapat ditolak oleh mana-mana negara-bangsa moden hari ini. Sejauhmanakah paradigme alternatif dalam bentuk sosialisme-populis dan pergerakan ekologi dapat mencabar kenyataan di atas?  
[100 markah]
  
5. Mengapakah teori modal manusia penting dalam pembangunan? Bagaimanakah teori ini mengisi kekurangan teori-teori awal yang cuma mengambil kira faktor buruh dan modal fizikal sebagai syarat pertumbuhan ekonomi?  
[100 markah]
  
6. Terangkan pendekatan-pendekatan baru bagi mereformasikan ekonomi global hari ini. Apakah wawasan transformatif yang dikemukakan oleh Richard Falk?  
[100 markah]